



Mesej cintai sungai di Sungai Kinta

2,000 penduduk yang mewakili tiga kawasan rukun tetangga menyertai Karnival Sungai di Sungai Kinta, Ipoh, Perak anjuran Global Environment Centre sempena Hari Sungai Sedunia pada September lalu.

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFHA
ayman.ghaffa@kosmo.com.my

SUNGAI Kinta yang cukup sinonim dengan pusat bandar raya Ipoh, Perak menjadi tumpuan penduduk tempatan untuk beriadah. Sungai yang mendapat pengiktirafan gred dua tahap kebersihan air daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu turut menjadi tumpuan warga Ipoh untuk mengadakan acara pada hujung minggu.

Sempena Hari Sungai Sedunia yang disambut pada 28 September setiap tahun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar, Global Environment Centre (GEC) dengan kerjasama JPS Perak, Majlis Bandaraya Ipoh, Jabatan Alam Sekitar Perak, Lembaga Air Perak, Kinta Riverfront Hotel & Suites dan beberapa agensi kerajaan lain telah menganjurkan Karnival Sungai di Sungai Kinta.

Karnival tersebut telah menghimpun kira-kira 2,000 penduduk dari tiga kawasan rukun tetangga (KRT) iaitu KRT Sungai Kledang, KRT Taman Rishah dan KRT Buntong 3 dan 4 yang tinggal di pesisir

Sungai Kinta.

Karnival yang bermula pada pukul 7.30 pagi dan berakhir 4.30 petang itu dibahagikan kepada tujuh pengisian aktiviti utama yang melibatkan penduduk ketiga-tiga KRT tersebut.

Objektif

Koordinator GEC, Dr. Kalithasan Kailasam, 46, memberitahu, objektif penganjuran karnival tersebut merupakan salah satu kaedah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai fungsi dan peranan sungai dalam kehidupan serta tamadun manusia.

Jelasnya, Karnival Sungai juga merupakan salah satu cara untuk meraikan peranan JPS, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi kerajaan yang bertungkus lumus dalam aspek pemulihan dan pemeliharaan sungai.

"Kami menyediakan modul yang menyemai sikap mencintai sungai menerusi aktiviti untuk peserta dari ketiga-tiga KRT. Mengambil contoh aktiviti River Hunt, setiap kumpulan dengan 10 orang peserta perlu melalui lima stesen. Di setiap stesen, setiap kumpulan perlu menyelesaikan

kan tugas berkaitan alam sekitar yang diberikan.

"Pemilihan Sungai Kinta sempena penganjuran Karnival Sungai kali kelima anjuran GEC kerana kejayaan usaha kami berkolaborasi dengan pihak JPS Perak menerusi Projek W.A.T.E.R (*Working Actively Through Education and Rehabilitation*) untuk penduduk dan sekolah di pesisir sungai tersebut. Projek tersebut merupakan salah satu usaha untuk mendidik komuniti yang tinggal berdekatan Sungai Kinta untuk menjaga keindahan sungai tersebut," ujarnya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Sungai Kinta dianggarkan sepanjang 100 kilometer dan mempunyai tujuh anak sungai merentasi beberapa kawasan di bandar raya Ipoh antaranya Tam-bun dan Ulu Kinta. Ketiga-tiga KRT yang terlibat dalam Projek W.A.T.E.R tinggal di tiga cabang anak Sungai Kinta iaitu Sungai Bun-

tong, Sungai Kledang dan Sungai Senam.

Menerusi acara River Hunt, peserta perlu berjalan sejauh 1.2 kilometer di pesisir Sungai Kinta untuk menyelesaikan tugas di lima stesen. Menerusi aktiviti itu, peserta berpeluang membuat eksperimen pemantauan kualiti air, mengetahui sumber pencemaran, kaedah pengurusan sampah, kepelbagaian biologi dan pemahaman terhadap sistem perparitan.

Menariknya mengenai aktiviti tersebut, peserta diajar cara mengitar semula minyak masak yang telah digunakan kepada lilin. Selain itu, peserta juga diajar untuk mengenal pasti spesies pokok dengan penerangan yang terperinci ketika berada di stesen kepelbagaian biologi.

Turut hadir semasa karnival tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan, Hal Ehwal Bukan Islam, Inte-



KALITHASAN



JAYAGOPI

SETIAP kumpulan diajar kaedah yang betul untuk melakukan eksperimen menguji tahap kebersihan air di Sungai Kinta.

grasi Nasional dan Kampung Baharu negeri Perak, Datuk Dr. Mah Hang Soon.

Platform

Sementara itu, Pengerusi KRT Buntong 3 dan 4, Jayagopi M. Subramaniam, 58, berkongsi pendapat, penganjuran Karnival Sungai merupakan satu platform terbaik bagi belia KRT itu untuk mendapat maklumat secara teori dan praktikal mengenai aspek penting dalam pengurusan sungai.

Jelasnya, Karnival Sungai merupakan acara pertama GEC di negeri Perak dan ia merupakan peluang terbaik untuk menghimpunkan penduduk di ketiga-tiga kawasan kejiranan.

"Sungai Kinta merupakan satu sungai yang menjadi kebanggaan seluruh penduduk Ipoh. Menerusi aktiviti yang dianjurkan, GEC berjaya memberi pengajaran cara mudah untuk menyemai perasaan cinta

sungai kepada belia. GEC juga mendedahkan cara baru untuk mengetahui kadar air yang terkandung dalam makanan harian masyarakat di Malaysia," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Bagi aktiviti Program Saintis Muda, GEC memberi pengenalan konsep pemahaman air sungai kepada kanak-kanak berusia 10 tahun menerusi kaedah menguji kualiti air sungai. Aktiviti penciptaan kraf tangan juga mendapat sambutan hangat daripada penduduk ketiga-tiga KRT.

Menerusi aktiviti itu, peserta perlu menghasilkan kraf tangan daripada bahan terbuang seperti tali yang digunakan sebagai pasu bunga dan botol sebagai mentol. Selain melakukan aktiviti alam sekitar, peserta juga berpeluang beriadah dengan menaiki basikal dua tempat duduk secara percuma dengan kupon yang disediakan.



HASIL kreatif para peserta yang menghasilkan pasu menarik perhatian pengunjung.



PESERTA Karnival Sungai diajar cara menggunakan tali terpakai untuk menghasilkan sebuah pasu.



SEORANG peserta berpuas hati setelah berjaya menghasilkan kraf tangan daripada bahan-bahan terbuang.



PESERTA acara River Hunt sedang berbincang untuk menyelesaikan tugas mereka di salah satu stesen dalam perlumbaan itu.



PESERTA acara River Hunt turut diajar kaedah untuk menghasilkan lilin daripada minyak masak terpakai.

Foto: Ehsan Global Environment Centre